

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO POAY TIONG**  
**[KOTA MELAKA]**

**SOALAN NO. 51**

**Y.B. TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang, emas, dan aset-aset lain yang dirampas oleh Bank Negara Malaysia daripada Genneva Sdn Bhd dan syarikat-syarikat lain yang berkaitan sejak tahun 2009, dan apakah status kes tersebut dari segi proses penuntutan semula aset-aset oleh pemilik/pelabur asal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kes Genneva Sdn. Bhd. (GSB), siasatan telah dijalankan di bawah kesalahan-kesalahan pengambilan deposit tanpa lesen yang sah, di bawah seksyen 25(1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (BAFIA) dan aktiviti pengubahan wang haram, di bawah seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLA). Pada 21 Februari 2018, Mahkamah Rayuan telah menjatuhkan sabitan bersalah ke atas GSB serta 4 orang pengaruhnya untuk kesalahan-kesalahan tersebut.

Hasil daripada siasatan yang dijalankan, pihak Bank Negara Malaysia telah berjaya menyita aset-aset berjumlah RM23,254,379.91 milik GSB serta Pengarah-pengarah syarikat tersebut di bawah seksyen 50 AMLA. Aset-aset yang disita disenaraikan di dalam Warta Kerajaan Persekutuan 2019 seperti yang berikut:

No	Aset	Jumlah Sitaan (RM)
1.	Wang tunai dalam akaun deposit tetap di Public Bank Berhad	1,014,096.00
2.	Emas dalam akaun peti simpan selamat di Public Bank Berhad	3,625,000.00
3.	13 buah akaun bank di Institusi-institusi Kewangan	18,615,283.91
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>23,254,379.91</b>

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada 26 September 2019, Mahkamah Sesyen Jenayah Kuala Lumpur telah mengarahkan supaya pihak-pihak ketiga yang mempunyai kepentingan terhadap aset-aset sitaan tersebut

untuk memfaillkan afidavit balasan di Mahkamah sebelum 13 November 2019. Mahkamah juga telah mengeluarkan suatu notis di bawah seksyen 61 AMLA iaitu Warta Kerajaan Persekutuan 2019 untuk mendengar permohonan tuntutan daripada mana-mana pihak ketiga yang mempunyai apa-apa kepentingan ke atas aset-aset sitaan tersebut. Warta Kerajaan tersebut telah disiarkan oleh Jabatan Peguam Negara melalui laman sesawangnya pada 1 Oktober 2019 di bawah P.U. [B] 476. Pihak-pihak ketiga terbabit dinasihat untuk menghadirkan diri di Mahkamah Sesyen Jenayah Kuala Lumpur pada 14 November 2019 untuk membuat tuntutan ke atas aset-aset tersebut dan menunjukkan sebab mengapa harta itu tidak boleh dilucuthakkan.